

## **Perumahan – Part 1(2014):**

### **Berita Harian:**

#### **Kerajaan berjaya pulihkan 74 peratus projek rumah terbengkalai - PM**

KHAMIS, 18 DISEMBER 2014 @ 7:40 PM



PERDANA Menteri Datuk Seri Najib Razak mendengar penerima kunci rumah Salak Perdana, Tang Kim Loy (kiri) dan membaca nota khas yang ditujukan pada beliau, pada Majlis Penyerahan kunci projek pembangunan semula Bandar Salak Perdana, Sepang. Turut sama Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohamed Sadique dan Timbalan Menteri Kewangan Datuk Ahmad Maslan. - Foto Ahmad Irham Mohd Noor

SEPANG: Kerajaan berjaya memulihkan kira-kira 74 peratus projek terbengkalai di seluruh negara, selain 10.7 peratus lagi projek sedang dalam pemulihan manakala, baki 15.3 peratus projek lagi dalam proses perancangan awal untuk dipulihkan, kata Datuk Seri Najib Razak. Perdana Menteri berkata, kerajaan prihatin terhadap nasib dialami pembeli rumah terbengkalai sehingga sanggup menggubal satu dasar dan kaedah bagi menyelamatkan dan memulihkan projek perumahan berkenaan menerusi kerjasama syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Beliau berkata demikian ketika berucap selepas melancarkan Majlis Penyerahan Kunci Projek Pembangunan Semula Bandar Salak Perdana di sini, hari ini. Turut hadir, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohamad Sadique serta Pengerusi Malaysia Building Society Berhad (MBSB), Tan Sri Abdul Halim Ali. Bandar Salak Perdana yang dulunya dikenali sebagai Projek Taman Kenanga telah berjaya dipulihkan setelah diisytiharkan terbengkalai pada 31 Disember 2002.

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/24051>

## **Pembiayaan syarikat GLC antara punca utama selesai projek rumah terbengkalai - PM**

KHAMIS, 18 DISEMBER 2014 @ 6:24 PM

SEPANG: Usaha membaik pulih projek rumah terbengkalai di negara ini, tidak mungkin dapat dizahirkan tanpa campur tangan kerajaan, kata Datuk Seri Najib Razak. Perdana Menteri berkata, pembiayaan mampu ditanggung pembeli yang disediakan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) adalah antara punca utama menjayakan projek pemulihan rumah terbengkalai. "Kalau kita harap kepada bank komersial, tidak mungkin mereka lakukan sebab kadar faedah yang dikenakan adalah jauh lebih tinggi berbanding yang ditawarkan GLC.

"Saya ingin tegaskan inilah komitmen kerajaan untuk mencapai sasaran satu juta rumah mampu milik dalam tempoh lima tahun. "Ini adalah satu lagi contoh kerajaan yang memperjuangkan dan mendahulukan kepentingan rakyat," katanya ketika berucap selepas melancarkan Majlis Penyerahan Kunci Projek Pembangunan Semula Bandar Salak Perdana di sini hari ini. Turut hadir Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohamad Sadique serta Pengerusi Malaysia Building Society Berhad (MBSB), Tan Sri Abdul Halim Ali.

Bandar Salak Perdana yang dulunya dikenali sebagai Projek Taman Kenanga telah berjaya dipulihkan setelah diisytiharkan terbengkalai pada 31 Disember 2002. Ia adalah satu lagi pencapaian MBSB dengan suntikan dana pembiayaan sebanyak RM213 juta bagi memulihkan projek berkenaan yang merangkumi empat fasa dengan 369 unit kediaman dan 713 pembeli serta pemilik rumah.

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/24039>

## Kerajaan Johor bakal bangun tanah wakaf terbiar

SABTU, 13 DISEMBER 2014 @ 3:58 PM



MENTERI Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin (dua dari kiri) bersama Ahli Parlimen Johor Bahru, Tan Sri Shahrir Abdul Samad (kanan), Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, Datuk Abd Latiff Bandi (kiri) melihat replika rumah contoh pada Majlis Pecah Tanah dan mula kerja Projek (RMMJ) PIJ Holdings di Jalan Datin Halimah, Johor Bahru. - Foto Mohd Azren Jamaludin

JOHOR BAHRU : Kerajaan negeri menerusi Perbadanan Islam Johor Holdings Sdn Bhd (PIJH) akan membangunkan tanah-tanah wakaf dan baitulmal yang terbiar di negeri ini bagi memberi manfaat kepada masyarakat Islam. Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata PIJH akan bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ) dan Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ) bagi mengenal pasti tanah-tanah yang terbabit. Beliau yang juga Pengerusi PIJH berkata satu kajian terperinci antara MAIJ dan JAIJ perlu dijalankan bagi mengenal pasti cara efektif bagi membangun dan menguruskan tanah wakaf dan baitulmal yang terbiar itu.

"Di Johor Bahru (contohnya), ada banyak tanah wakaf yang tidak diguna atau tidak ada perancangan. Sebab itulah saya mahu PIJH berbincang dengan pihak berwajib bagaimana hendak memaksimumkan tanah tersebut. Jika tanah wakaf dan baitulmal ini dapat dibangunkan, ia akan memberi banyak manfaat dan dapat meningkatkan sosioekonomi umat Islam khususnya di negeri ini," kata beliau kepada pemberita selepas majlis pecah tanah bagi pembinaan 71 unit Rumah Mampu Milik Johor Jalan Datin Halimah oleh PIJH, di sini, hari ini. Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Johor Datuk Abd Latiff Bandi, Pengarah Urusan PIJH Rozan Mohd Sa'at dan Anggota Parlimen Johor Bahru, Tan Sri Shahrir Abdul Samad.

Sementara itu, Mohamed Khaled berkata kira-kira 3,000 unit rumah mampu milik akan dibina di bandar raya ini merangkumi Jalan Datin Halimah, Kampung Dato' Sulaiman Menteri, Bakar Batu, serta dua Taman Perbadanan Islam. Beliau berkata dua Taman Perbadanan Islam itu akan dibangunkan di Larkin dan Telok Jawa pada tahun depan dan dijangka siap dalam tempoh tiga hingga empat tahun. Katanya, pembinaan rumah mampu milik di kawasan bandar sedikit sebanyak dapat menyeimbangkan pemilikan hartanah membabitkan semua kaum di kawasan bandar sekali gus sejajar dengan dasar pengagihan secara inklusif yang dipelopori oleh kerajaan Johor. - BERNAMA

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/23021>

### **Rumah Transit 1Malaysia diperluas ke bandar besar - Halimah**

RABU, 10 DISEMBER 2014 @ 1:34 PM

KUALA LUMPUR: Program Rumah Transit 1Malaysia untuk membantu pasangan muda yang baru berkahwin akan diperluas ke bandar-bandar besar di seluruh negara secara berperingkat, persidangan Dewan Negara diberitahu hari ini. Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohd Sadique berkata langkah itu berdasarkan permintaan tinggi projek perintis Rumah Transit 1Malaysia di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Pinggiran Bukit Jalil yang bakal didiami tahun hadapan.

Kementerian katanya, melalui Jabatan Perumahan Negara akan berbincang dengan kerajaan negeri bagi menentukan keperluan bilangan rumah transit yang akan disediakan dan antara cadangan lokasi ialah PPR Sungai Melana di JohorBaharu dan PPR Kepayan Ridge di Kota Kinabalu. Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Senator Chong Sin Woon yang ingin tahu adakah kerajaan berhasrat menambah bilangan rumah transit yang dilihat mampu mengurangkan beban penghuni yang baru berkahwin. Menjawab soalan tambahan Senator Datuk Adam Abdul Hamid yang ingin tahu bagaimana sambutan kerajaan negeri dalam penyediaan tapak lokasi projek rumah transit itu, Halimah berkata setakat ini kementerian tidak mempunyai masalah besar.

"Ada sesetengah projek PPR yang separuh jalan terpaksa dipindahkan tapak tanah kerana lokasi tanah tidak sesuai, lokasi tanah ada masalah dan kadangkala ada kerajaan negeri datang tiba-tiba untuk menukar tapak tanah," katanya. Program Rumah Transit 1Malaysia dilaksanakan dengan tujuan untuk mengurangkan beban pasangan muda yang baru berkahwin dan berpendapatan RM3,000 ke bawah dengan kadar sewaan RM250 sebulan. - BERNAMA

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/22382>

### **Henti spekulasi hartanah - Menteri**

SELASA, 9 DISEMBER 2014 @ 3:45 PM

KUALA LUMPUR: Pihak spekulator diingatkan supaya menghentikan spekulasi yang memberi gambaran keuntungan mudah boleh diperolehi melalui pelaburan dalam sektor perumahan yang menyebabkan harga hartanah melambung tinggi. Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan

Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahalan, berkata isu perumahan adalah isu sensitif dalam kalangan rakyat negara ini dan ia tidak wajar dispekulasikan. "Sebab itu saya selalu tekankan pada PropertyGuru ini bahawa mereka tidak boleh menggunakan pelaburan dalam perumahan ini sebagai satu spekulasi.

"Kalau nak spekulasi pergilah saham ke, pergilah mana-mana instrumen pelaburan lain, tetapi perumahan ini begitu sensitif dan begitu kritikal untuk rakyat negara kita ini, ia sepatutnya tidak digunakan untuk instrumen spekulasi," katanya. Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Senator Tan Sri Abdul Rahim Abdul Rahman mengenai masalah spekulasi hartanah pada persidangan Dewan Negara, di sini, hari ini. Abdul Rahman berkata, kementerian melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menangani isu spekulasi, antara lain ialah dengan kenaikan kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah (RPGT).

"Buat masa ini RPGT ini memang telah pun dinaikkan dalam Bajet 2014, iaitu untuk individu, 30 peratus akan dikenakan kalau rumah itu dijual dalam tempoh tiga tahun, dalam tempoh empat tahun akan dikenakan cukai 20 peratus, tahun kelima 15 peratus dan tahun keenam dan seterusnya kosong peratus," katanya. Abdul Rahman berkata, kementerian akan mengkaji RPGT dari semasa ke semasa dengan perbincangan bersama Bank Negara. Katanya, situasi kini menyaksikan penurunan kadar purata kenaikan harga rumah apabila bagi suku kedua tahun ini ia direkodkan 6.6 peratus berbanding tahun lalu iaitu 11.6 peratus.

"Kurang lima peratus, bermakna kenaikan harga rumah sekarang ini dalam keadaan perlahan dan mampan," katanya. Menjawab soalan Senator Datuk Adam Abdul Hamid, Abdul Rahman berkata kerajaan bercadang untuk menggunakan sistem bil untuk pengurusan sisa pepejal bagi setiap isi rumah pada masa akan datang. "Ini bagi memastikan rakyat bertanggungjawab dalam mengurangkan penggunaan sisa pepejal selain membantu pihak berkuasa tempatan melakukan sistem pengurusan sisa pepejal yang terbaik," katanya. - BERNAMA

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/22231>

## **Greentech cadangkan perumahan PR1MA dipasang sistem panel solar**

AHAD, 7 DISEMBER 2014 @ 4:33 PM

KUALA LUMPUR: Malaysian Green Technology (Greentech) Corporation mencadangkan pemasangan sistem panel solar di skim perumahan mampu milik Program Perumahan 1Malaysia (PR1MA). Ketua Pegawai Eksekutif, Ahmad Hadri Haris berkata, Greentech akan mengemukakan cadangan itu kepada PR1MA kerana ia akan membantu pembeli rumah menjimatkan wang berikutan bil elektrik yang lebih rendah. "Bil itu akan dapat dikurangkan kepada RM10 atau lebih bergantung kepada penggunaan," katanya. Mengambil Jepun sebagai contoh, Ahmad Hadri berkata, pemaju perumahan di negara berkenaan memasang panel solar apabila mereka membina rumah.

"Di Malaysia, perkara ini umumnya tidak berlaku dan terhad kepada projek perumahan mewah," katanya kepada pemberita selepas Sidang Kemuncak Tahunan Korporat Muda Malaysia Ke-6 di sini. Pemilik rumah juga boleh menjual lebih tenaga elektrik yang dijana panel solar di bumbung rumah mereka itu kepada Tenaga Nasional Bhd, berdasarkan tarif ditetapkan Lembaga Pembangunan

Tenaga Lestar (Seda). Ketua Pegawai Eksekutif Green Earth Design Solution Sdn Bhd, Dr Nurul Muiz Murad berkata, teknologi tenaga solar telah meningkat dan kos pemasangan juga telah menurun. - BERNAMA

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/21922>

### **Kerajaan pertimbang subsidi rumah untuk generasi kedua FELDA - Najib**

AHAD, 7 DISEMBER 2014 @ 4:12 PM

PUTRAJAYA: Pemberian subsidi sama ada daripada kerajaan atau Felda dipertimbangkan bagi membolehkan generasi baharu Felda memiliki kediaman. Ia disuarakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika berucap merasmikan Himpunan Ikatan Hati Warga Felda Kebangsaan 2014 di sini hari ini, atas keprihatinan menyedari kesukaran generasi kedua memiliki kediaman sendiri. Beliau berkata mesyuarat perlu diadakan untuk mencari penyelesaian bagi meningkatkan kemajuan pelaksanaan projek perumahan generasi kedua.

Antara aspek yang perlu diberi perhatian adalah harga yang berpatutan dan mampu dimiliki oleh generasi kedua, kata Najib. "Felda perlu memastikan harga rumah generasi kedua adalah yang mampu dimiliki selain perlu ada subsidi sama ada subsidi kerajaan atau subsidi Felda," katanya. Bagi membantu generasi baharu Felda memiliki kediaman sendiri, perdana menteri berkata Felda mungkin boleh memperkenalkan konsep sewa beli.

"Kalau tidak mampu, kita bagi mereka peluang untuk menyewa dulu, dan lepas lima tahun mereka boleh beli, tapi sebahagian besar mereka tidak mempunyai slip gaji dan payah untuk mendapat pinjaman bank," katanya. Semalam, Pengerusi Felda Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad tidak menolak kemungkinan Felda akan memperkenalkan kaedah sewa beli kepada generasi kedua Felda di bawah Projek Perumahan Generasi Baharu Felda.

Pada tahun lalu, Felda memperuntukkan sebanyak RM1.4 bilion bagi membina 20,000 unit rumah mampu milik di seluruh negara dalam tempoh lima tahun bagi memberi peluang kepada generasi kedua untuk memiliki kediaman sendiri. Najib berkata pemilikan rumah bagi generasi kedua Felda itu adalah antara cabaran dan tugas Felda untuk memelihara kepentingan generasi baharu, sambil menambah antara cabaran yang terlibat adalah berkaitan kos infrastruktur perumahan yang tinggi. - BERNAMA

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/21913>

### **Peruntukan bantuan rumah kepada KKLW perlu dinaikkan - Shafie**

SABTU, 29 NOVEMBER 2014 @ 5:11 PM

KUALA LUMPUR : Peruntukan bantuan rumah kepada Kementerian Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) perlu dinaikkan bagi membolehkan peruntukan yang disalurkan itu turut merangkumi kos memiliki tanah. Menteri yang juga Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal juga menyarankan

program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) diperluaskan kepada penduduk luar bandar bagi membolehkan mereka yang layak turut mengecapi kemudahan serupa seperti dinikmati masyarakat bandar.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada penggulungan Perhimpunan Agung UMNO 2014, di sini, sebentar tadi. Menyentuh mengenai peruntukan Islam di peringkat negeri dan persekutuan, Mohd Shafie mencadangkan penyelarasan dan koordinasi diwujudkan antara institusi agama seperti Majlis Fatwa Kebangsaan bersama Majlis Agama Islam Negeri.

Perkara itu katanya perlu dilakukan bagi mengelakkan berlakunya fatwa berbeza antara negeri; penguatkuasaan lemah serta tiada penyelarasan dalam hal ehwal agama Islam terutama membabitkan keputusan di Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil sehingga timbul kekeliruan dan persepsi institusi agama lemah dikalangan orang Islam.

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/20522>

### **Bangunkan tanah rizab Melayu, bina rumah mampu milik - Pemuda UMNO**

SABTU, 29 NOVEMBER 2014 @ 12:51 PM

KUALA LUMPUR: Bagi mengatasi masalah perumahan di kalangan rakyat, kerajaan-kerajaan negeri disaran membangunkan tanah rizab Melayu bagi membina lebih banyak rumah mampu milik, khusus untuk kaum Melayu dan Bumiputera. Ketua Pemuda UMNO Kedah, Datuk Shaiful Hazizy Zainol Abidin, berkata langkah ini perlu bagi menangani kesukaran rakyat memiliki rumah sendiri dan situasi semasa menunjukkan anak-anak muda Melayu hanya mampu menyewa daripada membeli rumah.

"Ramai generasi muda kita tidak berkemampuan membeli dan mendapatkan pembiayaan pembelian rumah. "Semua ini gara-gara aktiviti spekulasi dan keghairahan pemaju yang tamak meletakkan harga rumah yang tinggi dan tidak munasabah," katanya ketika membahaskan usul ekonomi mewakili pergerakan Pemuda pada Perhimpunan Agung UMNO 2014 di sini, hari ini. Shaiful Hazizy berkata, kerajaan negeri juga perlu mempercepatkan proses pertukaran status tanah dan geran, di samping mengurangkan kadar premium tukaran tanah untuk menarik minat para pemaju membina lebih banyak rumah mampu milik. - BERNAMA

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/20445>

### **Pembeli rumah PR1MA ditawarkan pinjaman 110 peratus**

KHAMIS, 20 NOVEMBER 2014 @ 7:05 PM

SUBANG: Pembeli rumah Program Perumahan 1Malaysia (PR1MA) ditawarkan pinjaman hingga 110 peratus daripada institusi kewangan terpilih, kata Ketua Pegawai Eksekutif Datuk Abdul Mutalib Alias. Beliau berkata, inisiatif itu bagi membolehkan semua pemohon mampu membeli rumah, manakala lebihan 10 peratus pembiayaan dapat digunakan untuk menampung pelbagai kos

sampingan seperti insurans dan yuran guaman. Selain tawaran pinjaman hingga 110 peratus, PR1MA turut menawarkan satu lagi kemudahan bagi membantu golongan pertengahan untuk memiliki rumah iaitu Skim Sewa Beli atau Rent-To-Own (RTO) menerusi kerjasama strategik dengan panel institusi kewangan.

"Pakej ini disediakan melalui bank serta institusi kewangan panel PR1MA yang pada masa ini merangkumi Maybank, CIMB dan MBSB. "Selain itu, bayaran balik ansuran pinjaman perumahan ini pula hanya akan dimulakan selepas tamat pembinaan dan kunci rumah diserahkan kepada pembeli yang turut dilindungi takaful (MRTT)," katanya dalam taklimat media di sini hari ini. PR1MA dipertanggungjawab kerajaan untuk membangunkan perumahan mampu milik bagi golongan pertengahan di Malaysia, menyasarkan pembinaan 500,000 unit dalam tempoh lima tahun.

Abdul Mutalib berkata, setakat ini 830,000 pemohon sudah mendaftar untuk membeli rumah PR1MA dan pihaknya sudah mendapat kelulusan untuk membina lebih 100,000 unit rumah di seluruh negara. Rumah PR1MA adalah terbuka kepada individu atau keluarga (suami dan isteri) dengan pendapatan purata bulanan isi rumah antara RM2,500 hingga RM 10,000. Setakat ini, program PR1MA sudah meliputi semua negeri kecuali Labuan.

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/18681>

## **Pembinaan kampus tetap KUIN kesilapan Pakatan Rakyat - EXCO Kedah**

RABU, 19 NOVEMBER 2014 @ 10:03 PM

ALOR SETAR: Kerajaan negeri Kedah menyifatkan pembinaan kampus tetap Kolej Universiti Insaniah (KUIN) di Kuala Ketil adalah kesilapan pelaburan yang dibuat oleh kerajaan Pakatan Rakyat sebelum ini. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengangkutan dan Kerja Raya Negeri, Datuk Tajul Urus Mat Zain, berkata rancangan membina kampus yang terlalu besar di Kuala Ketil meninggalkan kesan kewangan yang serius kepada kerajaan negeri. Katanya, kerajaan negeri terpaksa membayar pinjaman bank sebanyak RM44,508,000 setahun selama 15 tahun sehingga 2024 bagi menjelaskan kos pembinaan kampus Kuala Ketil yang bernilai RM327,665,000 dan faedah pinjaman sebanyak RM206,428,950, menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak RM534,093,950.

"Walaupun kampus Kuala Ketil siap dibina dengan kos RM327,665,000 tetapi ia tidak termasuk kemudahan asrama. Kerajaan negeri terpaksa menyempurnakan pembinaan asrama dalam kampus yang dimulakan oleh kerajaan Pakatan Rakyat tanpa mengikut prosedur dengan kos sebanyak RM12,876,072. Kos ini hanyalah untuk pembinaan lapan blok asrama sahaja tanpa kemudahan surau, kafeteria dan pejabat pentadbiran asrama. "Kerajaan negeri juga terpaksa menanggung kos emolument yang tinggi iaitu 85 peratus daripada jumlah pendapatan KUIN kerana pengambilan staf yang tidak terkawal dan tidak mengikut kemampuan kewangan.

Sehingga kini, jumlah staf KUIN adalah 539 orang," jelasnya semasa menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Peruntukan Tahun 2015 dan Ucapan Bajet Negeri Kedah 2015 pada persidangan Dewan Undangan Negeri di sini, hari ini. Tajul Urus berkata, kerajaan negeri juga terpaksa menangani beberapa isu berkaitan kewangan setelah mengambil alih KUIN pada 2013 iaitu kedudukan kewangan KUIN yang tidak stabil dan mengalami kerugian RM3,589,681 pada 2013,



hutang kepada pembekal, tunggakan bil utiliti dan sewa asrama sebanyak RM3,847,514, hutang Insaniah Holdings dan anak-anak syarikat RM10,661,225.43 selain saman yang perlu dibayar sebanyak RM1,561,571. "Jumlah keseluruhan hutang yang perlu diselesaikan adalah sebanyak RM16,070,310. Bagi mengurangkan kemelut dan beban kewangan KUIN, kerajaan negeri Kedah pimpinan Barisan Nasional (BN) telah melaksanakan tindakan-tindakan perlu dan berjaya menghasilkan penjimatan sebanyak RM5,050,947 daripada bayaran gaji staf bagi 2013 berbanding 2012," katanya.

Menurutnya, kerajaan negeri tidak menafikan perbelanjaan untuk pendidikan adalah pelaburan bagi membangunkan generasi pada masa hadapan. "Kerajaan BN sangat mengambil berat soal pendidikan. Ini terbukti kerana kitalah yang menubuhkan KUIN sejak 1995 daripada sebuah institut/kolej dan seterusnya dinaikkan kepada kolej universiti pada 2006," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Bekalan Air, Sumber Air dan Tenaga, dan Pembangunan Insan negeri, Badrul Hisham Hashim, berkata kerajaan negeri telah melakukan beberapa penambahbaikan kepada Dasar Perumahan Negeri Kedah. Beliau berkata, antaranya dengan menetapkan saiz minimum rumah kos rendah, rumah kos sederhana rendah dan rumah kos sederhana selain penjenamaan semula Rumah Mampu Milik di negeri ini. "Rumah Kos Rendah berharga antara RM35,000 hingga RM45,000 dengan keluasan tanah minimum 1,200 kaki persegi dan keluasan bangunan 700 kaki persegi. Rumah kos sederhana berharga antara RM45,001 hingga RM90,000 dengan keluasan tanah minimum 1,300 kaki persegi dan keluasan bangunan 750 kaki persegi. "Rumah kos sederhana berharga antara RM90,001 hingga RM200,000, di mana minimum keluasan tanah 1,400 kaki persegi dan keluasan bangunan 800 kaki persegi," katanya.

Selain itu, Rumah Kos Rendah dijenamakan semula sebagai Rumah Kaseh Rakyat, Rumah Kos Sederhana Rendah menjadi Rumah Aman Kedah dan Rumah Kos Sederhana dijenamakan semula sebagai Rumah Makmur Kedah. - BERNAMA

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/18529>

## **Projek sektor pembinaan RM69 bilion hingga September**

KHAMIS, 13 NOVEMBER 2014 @ 5:21 PM

KUALA LUMPUR: Nilai projek dalam sektor pembinaan setakat September lalu mencecah RM69 bilion, kata Menteri Kerja Raya Datuk Seri Fadillah Yusof. Beliau berkata, 39 peratus atau RM27 bilion adalah projek bukan kediaman, kediaman (33 peratus atau RM23 bilion), infrastruktur (22 peratus, RM15 bilion), manakala enam peratus atau RM4 bilion projek kemudahan sosial. Tahun lalu sektor pembinaan berkembang 10.9 peratus dengan nilai projek mencecah RM124 bilion dan 30 peratus daripadanya atau RM38 bilion adalah projek kediaman.

"Selebihnya, projek bukan kediaman, iaitu 41 peratus atau RM51 bilion, kemudahan sosial, lapan peratus atau RM9 bilion, manakala infrastruktur 21 peratus atau RM26 bilion," katanya berucap pada majlis memeterai Memorandum Kerjasama (MoC) tadbir urus, integriti dan pencegahan rasuah dalam industri pembinaan di sini, hari ini. Yang turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Paul Low Seng Kuan. Pada majlis itu, lapan persatuan dalam industri pembinaan

memeterai MoC dengan kerajaan, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Institut Integriti Malaysia (IIM). Persatuan berkenaan adalah Persatuan Pemborong Binaan Malaysia, Persatuan Pemaju Perumahan dan Hartanah Malaysia, Persatuan Jurutera Perunding, Pertubuhan Arkitek Malaysia, Lembaga Jurutera Malaysia, Pertubuhan Juruukur Diraja Malaysia, Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia dan Persatuan Kontraktor India Malaysia.

Kerajaan diwakili Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Datuk Seri Zohari Akob; Ketua Pegawai Eksekutif CIDB, Datuk Seri Ir Dr Judin Abdul Karim; IIM oleh Presidennya Datuk Dr Mohd Tap Salleh manakala persatuan lain diwakili presiden masing-masing. Fadillah berkata, permintaan ke atas perkhidmatan pembinaan dijangka kekal rancak tahun ini dengan pertumbuhan setakat pertengahan 2014 berada pada kadar 14.3 peratus. "Kementerian juga menjangkakan pertumbuhan tahun ini dan tahun depan akan mencapai angka dua digit berdasarkan projek pembinaan yang diumumkan dalam Bajet 2015," katanya.

Dalam pada itu, Fadillah berkata, pemeteraian MoC itu membawa kepada penubuhan Jawatankuasa Kerjasama Induk yang akan dipengeruskannya bersama Paul bagi menyelesaikan masalah berkaitan di peringkat Kabinet. Selain itu, Jawatankuasa Kerjasama Pelaksana juga ditubuhkan dengan dipengerusikan bersama oleh Ir Dr Judin dan Mohd Tap dan bermesyuarat tiga kali setahun. "Saya yakin usaha sama ini mampu mempertingkatkan kualiti industri pembinaan negara dan menjadikan masyarakat binaan sebagai masyarakat berwibawa dan bebas rasuah," katanya. - BERNAMA

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/17375>

## **Pemuda UMNO Johor cadang kerajaan beri rebat beli rumah**

SELASA, 11 NOVEMBER 2014 @ 4:24 PM



MENTERI Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin (tiga dari kiri) ketika dibawa melihat model replika rumah Denai Nusantara pada majlis pecah tanah Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ)-Denai Nusantara di Nusajaya, Gelang Patah di Johor Bahru, Ahad lalu. Turut kelihatan Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor Datuk Latif Bandi (tengah belakang) dan Pengarah Urusan UEM Sunrise Berhad Anwar Syahrin Abdul Ajib (kiri). - Foto BERNAMA

JOHOR BAHRU: , Pemuda UMNO Johor mencadangkan agar kerajaan negeri mempertimbangkan bantuan rebat kewangan bagi mengurangkan beban rakyat yang berhasrat membeli rumah. Ketuaanya, Hahasrin Hashim, berkata takrifan terkini yang melayakkan seseorang memiliki rumah mampu milik merujuk kepada mereka yang berpendapatan seisi rumah tidak melebihi RM2,000 sebulan, juga harus dikaji semula berikutan situasi rakyat negeri ini yang terbeban dengan kenaikan harga barangan keperluan asas.

"Melalui platform media sosial, (rakyat) menyuarakan rasa resah tentang pemilikan rumah mampu milik yang masih dibatasi pelbagai halangan khususnya untuk golongan muda," katanya dalam satu kenyataan hari ini. Beliau berkata demikian menjelang pembentangan Bajet Johor 2015 oleh Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin pada persidangan Dewan Undangan Negeri, Khamis ini. Mengenai pendidikan agama, katanya, Pemuda UMNO turut mencadangkan agar kerajaan negeri mewujudkan sebuah model dan sistem yang tersusun dalam usaha memartabat dan memperkasa pendidikan sekolah agama di negeri itu.

Pergerakan itu turut meminta agar perhatian diberi kepada kebajikan guru agama di sekolah agama negeri, seperti memberi kenaikan gaji dan faedah bekerja bagi meningkatkan motivasi guru untuk menerajui sistem sekolah agama ke arah yang terbaik dalam negara. Bagi memupuk daya kreativiti serta pembangunan sahsiah diri anak muda, Pemuda UMNO turut mencadangkan agar kerajaan negeri menaiktaraf prasarana sukan seperti gimnasium dan gelanggang sukan yang lebih moden.

Hahasrin berkata, prasarana sukan seumpama itu dapat dijadikan medium dalam meningkatkan produktiviti, kesihatan, kecergasan serta mempromosi gaya hidup lebih sihat kepada golongan berkenaan. Selain itu, beliau berkata ia juga boleh menjurus kepada penglibatan golongan muda dalam sektor keusahawan, pendidikan dan kemasyarakatan. - BERNAMA

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/16972>

## **Kualiti rumah mampu milik masih tidak capai standard - CIDB**

ISNIN, 10 NOVEMBER 2014 @ 6:05 PM

KUALA LUMPUR: Kualiti rumah mampu milik di negara ini masih belum mencapai standard yang ditetapkan, kata Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia. Pengurus Besar Kanan Sektor Pembangunan, Ahmad 'Asri Abdul Hamid, berkata daripada 700 projek yang dinilai CIDB di bawah Sistem Penilaian Kualiti dalam Pembinaan (Qlassic), majoritinya ialah pembangunan perumahan kos sederhana dan sederhana tinggi. "Berdasarkan penilaian itu, pemaju terbabit dalam segmen ini adalah syarikat yang mengadakan perbincangan dengan kami, dan bukan mereka yang membina rumah mampu milik," katanya selepas bengkel kerja media mengenai Qlassic hari ini.

CIDB juga sedang berbincang dengan Skim Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) untuk menilai projek perumahan mampu milik. "Ia masih di peringkat perbincangan," katanya. Ahmad juga berkata 237 projek dinilai bagi tahun ini saja dan kebanyakannya adalah projek kediaman berbanding bukan kediaman, kemudahan awam, antara lainnya. "Kebanyakannya adalah kediaman berikutan permintaan pasaran dan bagi standard Malaysia, sebuah unit yang dinilai di atas skor 70 peratus dianggap sebagai baik.

Angka yang berada di bawahnya, perlu ditambah baik," katanya. Beliau berkata 30 peratus daripada projek yang dinilai setakat ini memperoleh skor bawah 70 peratus. Sementara itu, Ahmad berkata penilaian Qclass menilai kualiti sesebuah projek dan syarat struktur, kerja seni bina, aspek mekanikal dan elektrik di samping kerja luar. "Sebagai contoh, reka bentuk bangunan perlu diseragamkan, tanpa mengambil kira sama ada ia rumah kos rendah, sederhana atau tinggi," katanya.

Beliau juga menggesa pembeli rumah memahami standard perumahan dan spesifikasi. "Mereka harus memaklumkan dengan segera kepada pemaju bagi sebarang pembetulan apabila rumah siap. "Orang ramai mempunyai budaya hanya menerima dan mengabaikan kerosakan yang ditemui dalam rumah. Mereka sepatutnya memfailkan aduan dengan pemaju dan membetulkan kerosakan itu, kerana ia akan menjimatkan kos pembaikan pada masa depan. "Ini perlu dilakukan sebelum kunci diserahkan," kata Ahmad. - BERNAMA

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/16796>

### **Sabah terima peruntukan RM4.07 bilion - Musa**

ISNIN, 10 NOVEMBER 2014 @ 1:43 PM Bajet 2015:

KOTA KINABALU: Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman, berkata kerajaan negeri Sabah menerima peruntukan berjumlah RM4.07 bilion dalam Bajet Persekutuan 2015 untuk pelaksanaan pelbagai projek di Sabah. Katanya, sebanyak RM272.6 juta adalah untuk Projek Perumahan Rakyat (PPR) seperti PPR Kota Belud, PPR Kudat dan Program Perumahan Rakyat (untuk disewa) di Kampung Ketiau, Putatan. "Sejumlah RM165,585,255 diperuntukkan pada 2015 untuk projek jalan raya luar bandar seperti projek Jalan Maliau Basin, Tawau, projek Jalan Perhubungan Desa Negeri Sabah dan projek Jalan Mini Estet Sejahtera (Mesej) Kg Tampangoh Laut, Penampang," katanya menjawab soalan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Klias (PKR), Datuk Seri Lajim Ukin, dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri Sabah di sini hari ini.

Musa yang juga Menteri Kewangan Sabah berkata, pada 2015 juga, sebanyak RM99,250,000 untuk melaksanakan Projek Bekalan Air Luar Bandar manakala RM578,454,469 pula bagi melaksanakan Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar Sabah. Katanya, RM80,774,000 diperuntukkan untuk usaha penghapusan kemiskinan di Sabah melalui program seperti Program Khas Golongan Bumiputera Minoriti dan Projek Membekalkan Tangki Air ke negeri Sabah. Musa berkata, kira-kira RM2.9 bilion peruntukan pula diluluskan oleh kerajaan persekutuan untuk pelaksanaan beberapa projek lain termasuk projek di bawah Koridor Pembangunan Sabah (SDC) seperti Kelompok Industri Berasaskan Kelapa Sawit, Lahad Datu.

Katanya, peruntukan berkenaan juga adalah untuk pembinaan Loji Air dan Pemasangan Rangkaian Paip di Beaufort, Pembinaan Loji Rawatan Air Keningau, Fasa 2 Projek Pengurangan System Average Interruption Duration Index (SAIDI) di Sabah serta projek Pengukuhan Sistem Penjana Melalui Pembinaan Stesen Jana Kuasa Hidro Elektrik Upper Padas, Tenom, berkapasiti 180MW. "Sesungguhnya, kerajaan negeri yakin dengan pelaksanaan dan penyiapan projek-projek serta program-program yang disebutkan tadi, kualiti hidup semua lapisan masyarakat di negeri Sabah terutamanya penduduk luar bandar dapat diperbaiki dan ditingkatkan," katanya.

Musa berkata, kerajaan negeri berterima kasih dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kerajaan persekutuan di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak kerana prihatin dalam membantu menjayakan agenda pembangunan Sabah. - BERNAMA

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/16697>

### **Nyatakan bilangan rumah kos rendah - Jahara**

JUMAAT, 7 NOVEMBER 2014 @ 2:17 PM

GEORGETOWN: Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Datuk Jahara Hamid, meminta kerajaan negeri memperincikan jumlah rumah kos rendah yang dibina sepanjang Pakatan Rakyat mentadbir negeri ini. Beliau berkata, buat masa ini kerajaan negeri pimpinan DAP itu dilihat gagal menyediakan rumah mampu milik untuk rakyat Pulau Pinang. "Cuba beritahu saya berapa buah rumah kos rendah yang telah dibina oleh kerajaan negeri sekarang dan di mana. Tolong beri perincian. Sekakat ini tiada, kosong," katanya pada sesi soal jawab sidang Dewan Undangan Negeri di sini hari ini.

Beliau berkata, keadaan itu berbeza dengan Kerajaan Persekutuan yang mempunyai perancangan untuk membina rumah mampu milik bawah program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) di Pulau Pinang, walaupun Barisan Nasional (BN) tidak memerintah negeri itu. Membidas kenyataan EXCO Kerajaan Negeri, Jagdeep Singh Deo, bahawa Kerajaan Persekutuan sama sekali gagal membekalkan rumah kos rendah dan rumah mampu milik kepada rakyat, Jahara (BN-Teluk Air Tawar) berkata PR1MA pasti akan menunaikan janji yang dibuat bagi membina rumah mampu milik untuk rakyat Pulau Pinang.

Jahara yang mencelah ketika EXCO Perancangan Bandar, Desa dan Perumahan negeri itu menjawab soalan Muhamad Farid Saad (BN-Pulau Betong) berhubung isu perumahan, berkata: "Kami di sini boleh beri jaminan bahawa PR1MA akan menunaikan janji yang telah dibuat." Jagdeep Singh, ketika menjawab soalan berhubung isu perumahan itu turut mencabar BN membuktikan PR1MA akan dibina di Pulau Pinang kerana mendakwa negeri di bawah pimpinan DAP itu sering dianaktirikan. Pada Disember 2012, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berjanji untuk memberi dua hadiah besar kepada rakyat Pulau Pinang iaitu pembinaan 20,000 unit rumah mampu milik dan perkhidmatan monorel jika BN diberi mandat semula untuk memerintah negeri ini.

Jahara turut membangkitkan isu kebenaran merancang projek rumah kos rendah yang tidak melibatkan penempatan semula setinggian antara kerajaan negeri dan Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Pulau Pinang. "Saya rasa elok kalau ia tidak diselesaikan di media kerana ia tidak membawa

kepada satu kesudahan yang baik. Datuk Zainal Abidin Osman (Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Pulau Pinang) telah beritahu bersedia untuk berjumpa Jagdeep.

"Persoalannya, adakah YB Jagdeep bersedia untuk mempertimbangkan secara positif agensi yang ingin membina rumah mampu milik dan kos rendah di negeri ini. Jadi, di sini adakah kerajaan negeri bersedia untuk bekerjasama supaya projek dapat diteruskan," katanya. - BERNAMA

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/16277>

## **Harga rumah mahal tak setanding mutu**

AHAD, 26 OKTOBER 2014 @ 9:51 AM Jeniri Amir [rencana@bh.com.my](mailto:rencana@bh.com.my)

Baru-baru ini, saya membuat tinjauan di Kuching untuk mencari rumah. Saya amat terkejut dengan peningkatan harga rumah. Kos rumah teres dua tingkat adalah sekitar RM400,000, malah ada mencecah RM800,000. Bagi rumah berkembar dua tingkat, tidak usah bermimpi membeli pada harga RM700,000 ke bawah, kerana ada yang mencecah RM1.4 juta. Harga rumah amnya sudah meningkat lebih seratus peratus hanya dalam tempoh kurang 10 tahun. Ia akan terus melonjak selepas ini, dengan Cukai Perkhidmatan dan Barangan (GST) sebagai satu daripada alasan. Harga rumah sudah tentu banyak bergantung kepada lokasi dan kualiti rumah.

Hakikatnya harga rumah sudah di luar jangkauan dan keupayaan kebanyakan orang sekarang, lebih-lebih lagi generasi muda yang baharu bekerja dan mendirikan rumah tangga. Kenaikan harga rumah yang menjejaskan keupayaan rakyat, khususnya golongan berpendapatan rendah dan sederhana untuk membeli adalah salah satu isu yang sering diperkatakan pada masa ini. Daripada tinjauan itu saya dapati reka bentuk rumah di Sarawak belum setanding dengan kualiti rumah di Semenanjung.

Memang ada rumah yang bermutu termasuk dari segi reka bentuk, tetapi kebanyakannya belum mencapai tahap kualiti membanggakan. Ada reka bentuk yang terlalu teruk tetapi anehnya masih juga habis dijual.

## **Perbaiki reka bentuk rumah**

Tidak bolehkah kerajaan memberi cadangan kepada pemaju terbabit supaya memperbaiki reka bentuk rumah sebelum meluluskan sesuatu projek perumahan? Adakah kekurangan pengalaman dalam pembinaan rumah dalam kalangan sesetengah pemaju menyebabkan keadaan ini berlaku? Sepatutnya, aspek reka bentuk dan kualiti diberikan perhatian sewajarnya.

Bagi pembeli, selain reka bentuk, aspek perparitan, keluasan kawasan rumah, kelebaran jalan, kejiranan, taman permainan dan jarak dengan bandar serta tempat kerja adalah faktor utama diambil kira apabila hendak membeli rumah. Boleh dikatakan harga rumah 'menggila' sejak lima tahun lalu. Adakah benar bahawa kos bahan pembinaan sudah meningkat? Adakah harga tanah juga naik berlipat kali ganda atau ada individu yang mendapat untung besar dengan dengan melakukan spekulasi.

Di tempat saya bekerja, ada sebuah projek rumah teres dua tingkat. Ketika rumah itu belum siap beberapa tahun lalu, ia dijual pada harga RM350,000, tetapi seorang individu yang mempunyai wang

membeli lima unit sekali gus dan menjualnya sekitar RM500,000. Spekulasi antara faktor yang meningkatkan harga rumah, selain tidak dinafikan, ada pemaju yang mengambil kesempatan daripada permintaan yang tinggi. Mereka tahu bahawa pembeli pasti sentiasa tidak mencukupi. Betapa tidak, begitu sukar untuk membeli rumah yang sudah siap sejak beberapa tahun kebelakangan ini kerana rumah sudah habis dijual ketika projek berkenaan masih lagi pada peringkat hendak melancarkannya.

### **Tangani kekurangan rumah**

Saya percaya, fenomena yang sama juga berlaku di bandar besar yang lain di negara ini. Sampai bilakah fenomena ini akan berterusan tanpa kesudahan. Dalam Bajet 2014, sebanyak 223,000 unit rumah pada harga berpatutan dirancang untuk dibina oleh sektor swasta dan kerajaan. Adakah sasaran itu dapat dicapai? Melalui bajet berkenaan pelbagai strategi dan pendekatan diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan rumah dan harga rumah yang mahal. Kerajaan prihatin akan nasib dan kebajikan rakyat. Strategi dan jalan penyelesaian untuk mengawal kos rumah bukan hanya terbatas kepada penurunan harga rumah, tetapi pelbagai langkah lain seperti tempoh pinjaman bank.

Pinjaman dua generasi perlu dibenarkan dengan anak menyambung pembayaran pinjaman. Langkah terbaharu kerajaan membenarkan individu terbabit menyewa dan kemudiannya membeli rumah berkenaan adalah pendekatan bijak lagi pragmatik. Rumah bukan sekadar tempat untuk berlindung daripada panas dan hujan. Rumah melambangkan pencapaian seseorang dalam hidup. Rumah yang besar dan cantik memperlihatkan taraf sosioekonomi seseorang. Mereka yang memiliki banyak wang dan berpendapatan besar sudah pasti lebih mampu membeli rumah idaman di lokasi impian.

Menjadi tanggungjawab kerajaan melalui sektor swasta terutamanya untuk memastikan bukan saja jumlah rumah mencukupi, tetapi berkualiti tinggi dengan sentuhan estetika serta mampu dimiliki oleh rakyat kebanyakan. Bajet 2015 mengambil kira masalah perumahan khususnya dalam kalangan generasi muda dan penjawat awam. Jika isu ini tidak ditangani dengan cepat dan pendekatan bijaksana, kita akan berhadapan dengan generasi tanpa rumah. Keadaan ini mencetuskan masalah sosial dan politik pada jangka panjang. Kerajaan perlu bersungguh-sungguh menyediakan rumah mampu milik berkualiti kepada rakyat.

Penulis ialah Pensyarah di Universiti Malaysia Sarawak

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/13700>

### **Kajian idea pembangunan 'Bandar Raya Belia' tahun depan**

SABTU, 25 OKTOBER 2014 @ 5:24 PM

KOTA KINABALU: Kajian terhadap idea untuk membangunkan "Bandar Raya Belia" akan dimulakan pada tahun depan, kata Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan, hari ini. Katanya sejumlah peruntukan telah disediakan bagi menjalankan kajian itu, yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bagi mengenal pasti lokasi dan saiz bandar raya itu selain kemudahan yang akan disediakan. "Konsepnya masih lagi dalam

peringkat awal. Kita perlukan sedikit masa untuk memastikan idea ini dapat direalisasikan," katanya kepada pemberita selepas ditemuramah dalam segmen radio Radio Televisyen Malaysia (RTM), Ekspresi Sabah FM di sini. Beliau diminta mengulas perkara itu selepas membangkitkan idea "Bandar Raya Belia" dalam rancangan radio berkenaan.

Abdul Rahman berkata kementerian lain yang terlibat dalam kajian pembangunan idea itu termasuk Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, yang akan mengkaji, antara lain, pembinaan pangsapuri studio atau rumah saiz biasa, sistem pengangkutan yang efektif dan pusat industri kreatif.

Abdul Rahman berkata bandar raya itu akan dibangunkan mengikut cita rasa golongan belia masa kini memandangkan 50 peratus daripada rakyat Malaysia terdiri daripada golongan berumur 40 tahun ke bawah. Beliau berkata bandar raya berkonsep itu akan diwujudkan di Sabah, Sarawak dan di Semenanjung. Menurutnya, kedudukan strategik iaitu di dalam atau pinggir bandar menjadi keutamaan bagi membolehkan golongan belia mengembangkan idea kreatif mereka agar lebih produktif kepada negara, selain memberi peluang kepada belia yang baharu memulakan kerjaya masing-masing di bandar untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan baharu.

Dalam perkembangan lain, Abdul Rahman berkata kementerianya akan menangani isu projek pembinaan rumah terbengkalai pada tahun depan menerusi peruntukan RM2.02 bilion. Daripada peruntukan itu, beliau berkata Sabah akan menerima peruntukan terbesar iaitu 16.43 peratus, diikuti Wilayah Persekutuan dan Johor, masing-masing sebanyak sembilan peratus. "Sebenarnya, jumlah rumah terbengkalai tidaklah begitu besar. Jumlahnya di seluruh negara hanya kurang daripada tiga peratus," katanya. - BERNAMA

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/13594>

## Sime Darby Property bakal bina 733 rumah mampu milik di Pasir Gudang

SABTU, 25 OKTOBER 2014 @ 5:21 PM





DATUK Seri Mohamed Khaled Nordin (dua dari kiri) melancarkan pembangunan Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) sambil diperhatikan Ketua Eksekutif Kumpulan Sime Darby, Tan Sri Mohd Bakke Salleh (tengah), Setiausaha Kerajaan Johor, Datuk Ismail Karim (kiri) dan Exco Perumahan Kerajaan Tempatan Johor, Datuk Abdul Latif Bandi (dua dari kanan) di Sime Darby Business Park Taman Pasir Putih, Pasir Gudang, hari ini. - Foto Hairul Anuar Abd Rahim

JOHOR BAHRU: Sime Darby Property Bhd merancang membina 733 unit rumah mampu milik dan 171 unit lot kedai kos sederhana dengan anggaran nilai pembangunan kasar (GDV) RM210 juta di Sime Darby Business Park, Taman Pasir Putih, Pasir Gudang. Presiden yang juga Ketua Eksekutif Kumpulan Sime Darby, Tan Sri Mohd Bakke Salleh, berkata projek itu akan dibangunkan dalam beberapa fasa dengan fasa pertama melibatkan 184 unit rumah mampu milik dan 108 lot kedai sudah dimulakan.

"Sime Darby Property akan meneruskan pembinaan fasa selanjutnya iaitu 549 unit rumah mampu milik dan 63 unit kedai kos sederhana menjelang 2018, bergantung kepada permintaan pasaran," kata beliau kepada pemberita pada pelancaran projek itu di Pasir Gudang hari ini. Projek tersebut adalah sebahagian daripada program Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ), projek pembangunan rumah mampu milik di bawah Dasar Perumahan Rakyat Johor.

Pelancaran dilakukan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin. Sementara itu, Mohamed Khaled berkata di bawah RMMJ, sebanyak 37,000 unit kediaman bakal didirikan menjelang 2018 berbanding sasaran awal iaitu 28,000 memandangkan permintaan yang semakin meningkat. "Pihak berkuasa tempatan sedang memburu beberapa pemaju untuk memastikan mereka memenuhi syarat kerajaan negeri supaya membina rumah mampu milik.

"Kerajaan negeri tidak akan teragak-agak untuk membekukan segala pembinaan sekiranya pemaju-pemaju ini gagal memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan," kata beliau. Menurutnya setakat ini sebanyak 90,000 pendaftaran memohon rumah mampu milik telah diterima negeri itu dan angka berkenaan dijangka meningkat. - BERNAMA

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/13593>

## Projek perumahan di kawasan bukit perlu kajian risiko tanah - Pakar

JUMAAT, 24 OKTOBER 2014 @ 10:00 AM



JENTOLAK memasukkan cerucuk besi di tempat kejadian tanah runtuh dan mendap di Apartmen Teratai, Taman Bunga Raya, Bukit Beruntung, kelmarin. Seramai 539 orang penduduk membabitkan 129 keluarga di blok L dan K Apartmen Teratai dipindahkan ke tiga buah sekolah berhampiran. - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Pihak berkuasa digesa agar tidak membenarkan projek perumahan di kawasan berbukit tanpa kajian risiko struktur tanah yang terperinci terlebih dahulu, kata pakar Geologi Struktur dan Tektonik Universiti Malaya (UM), Prof Madya Dr Mustaffa Kamal Shuib. Mustaffa Kamal berkata, kajian itu penting bagi memastikan jenis bangunan yang dibina bersesuaian dengan struktur tanah di kawasan itu agar keselamatan penghuni untuk jangka masa panjang lebih terjamin. "Kebanyakan tanah di negara ini bersifat lempung iaitu mudah menyerap air dan sekiranya hujan lebat berlaku akan menyebabkan tanah menjadi tepu dan hilang sifat kohesifnya sehingga berlakunya tanah runtuh," katanya kepada BERNAMA.

Mustaffa Kamal berkata demikian ketika diminta mengulas kejadian tanah runtuh di Apartmen Teratai dekat Bukit Beruntung yang berlaku Isnin lepas. Katanya, pemotongan cerun di kawasan berbukit bagi membangunkan projek perumahan juga boleh menyebabkan struktur tanah tidak stabil dalam jangka masa panjang. "Setiap projek perumahan pasti akan melibatkan pemotongan cerun di kawasan berbukit dan perkara ini secara tidak langsung telah mengganggu alam semula jadinya yang pasti akan menyebabkan kawasan tersebut tidak stabil dalam jangka masa panjang," katanya.

Justeru, Mustaffa Kamal berkata pemaju perlu sentiasa bertanggungjawab dengan melakukan pemantauan berkala di projek perumahan walaupun selepas ia siap dan berpenghuni bagi

mengelakkan kejadian tanah runtuh. Sementara itu, Penolong Setiausaha Agung Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM), Jamaludin Non, berkata pemotongan cerun bagi membina bangunan di tapak projek perumahan perlu menepati reka bentuknya melalui penilaian oleh jurutera profesional. "Selain itu, sekiranya mempunyai kawasan cerun di kawasan itu, pihak pemaju perlu membina dinding konkrit yang dilengkapi dengan laluan pengaliran air dari atas ke bawah bagi memastikan tanah tidak mengalami tekanan di bahagian bawah," katanya. Beliau menjelaskan apabila melakukan kajian terhadap struktur tanah, pihak pemaju perlu mengambil kira kajian pada keseluruhan kawasan itu dan bukan hanya tertumpu kepada kawasan cerun yang berpotensi berlakunya tanah runtuh.

"Jika tapak projek perumahan terutamanya berdekatan dengan kawasan cerun itu disahkan selamat, ia bukan bermakna tiada tanah runtuh pada masa akan datang. Kita tidak tahu bagaimana keadaan pembangunan di kawasan berdekatan yang mungkin akan menyebabkan air kembali mengalir ke sana dan menyebabkan tanah runtuh. "Sebab itulah penelitian perlu dibuat di keseluruhan kawasan bukan hanya tertumpu kepada tapak projek perumahan sahaja sebelum mendapatkan kelulusan daripada pakar dan pihak berkuasa tempatan bagi membenarkan projek itu dilaksanakan," katanya.

Sementara itu, Ahli Majlis Perbandaran Hulu Selangor, June Leow, berkata pihaknya akan mengarahkan Jabatan Kerja Raya, Pejabat Tanah dan Wilayah serta Jabatan Pengaliran dan Saliran untuk membaiki kawasan terjejas bagi memastikan keselamatan penduduk terjamin. "Ia bagi mengukuhkan semula tanah yang terjejas akibat pengaliran air dan mengurangkan risiko berlakunya tanah runtuh. "Oleh sebab ada kabel elektrik berdekatan kawasan terjejas, kami juga akan mengarahkan Tenaga Nasional Berhad untuk melakukan penyelenggaraan bagi memastikan kawasan itu selamat," katanya.

Leow berkata, pihaknya tidak menuding jari kepada mana-mana pihak dan berharap kawasan terjejas akan dibaiki secepat mungkin. Sehingga kini, sebanyak 219 keluarga membabitkan 860 penduduk yang menetap di dua blok apartmen berkenaan terlibat dalam insiden kira-kira 10 pagi, Isnin lalu. Mereka kini ditempatkan di tiga penempatan iaitu di Sekolah Kebangsaan Taman Bunga Raya 1, Sekolah Kebangsaan Taman Bunga 2 dan Sekolah Menengah Taman Bunga Raya 1. - BERNAMA

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/13333>

## **Rumah bawah RM200,000 bakal dibina di Wilayah Persekutuan - Tengku Adnan**

KHAMIS, 23 OKTOBER 2014 @ 3:52 PM

PUTRAJAYA: Sebidang tanah di Wilayah Persekutuan dikenal pasti untuk dibangunkan dengan projek perumahan berharga di bawah RM200,000 bagi membantu golongan pertengahan memiliki hartanah. Tanpa menyatakan lokasinya, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor berkata kementeriannya sedang berbincang dengan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Wilayah Persekutuan berhubung projek berkenaan.

"Kita sudah mempunyai sebidang tanah dan akan minta pemaju bangunan sebanyak mungkin rumah berharga bawah RM200,000," katanya kepada pemberita selepas menghadiri sesi

pengundian Projek Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) Residensi Pandanmas 2 di sini, hari ini. Katanya, jenis, keluasan atau nama projek perumahan berkenaan masih belum diputuskan dan akan diumumkan tidak lama lagi.

Tengku Adnan berkata, pemaju yang terpilih perlu mempunyai rekod serta kemampuan kewangan yang baik bagi memastikan projek perumahan itu dapat dilaksanakan dan disiapkan dengan segera. Beliau berkata, pelaksanaan projek itu juga adalah cetusan ilham Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang mahu setiap lapisan masyarakat mempunyai rumah sendiri.

Dalam pada itu, Tengku Adnan berkata kementeriannya meluluskan sebanyak 23.40 peratus pembinaan projek rumah mampu milik pada harga RM300,000 ke bawah dalam tempoh Oktober 2013 sehingga Oktober tahun ini. Sementara itu, majlis hari ini adalah fasa kedua pengundian membabitkan 200 unit Residensi Pandanmas 2 di Kuala Lumpur yang berharga RM300,000 dan dijangka siap pada Oktober 2018. Tengku Adnan berkata, fasa satu pengundian membabitkan 300 unit dan sebanyak 1,720 lagi unit akan ditawarkan oleh pemaju kepada warga Wilayah Persekutuan yang layak. - BERNAMA

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/13223>

## **Pajakan, kaedah alternatif majukan Tanah Rizab Melayu**

KHAMIS, 16 OKTOBER 2014 @ 7:13 PM Shahrizan Salian [shahrizan\\_salian@bh.com.my](mailto:shahrizan_salian@bh.com.my)

KUALA LUMPUR: Pembangunan Tanah Rizab Melayu perlu menjadi antara mekanisme utama untuk mengukuhkan pembabitan Bumiputera dalam sektor hartanah dan ekonomi negara. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar, berkata pembangunan Tanah Rizab Melayu mesti dilihat sebagai satu usaha untuk menyediakan pembangunan ekonomi yang mapan kepada Bumiputera. "Saya harap syarikat Bumiputera akan meneruskan usaha membangunkan Tanah Rizab Melayu dan meningkatkan kegunaan serta nilai ekonominya bagi manfaat semua pihak berkepentingan," katanya berucap pada majlis memeterai memorandum persefahaman (MoU) pembangunan Hospital Pakar Damansara KPJ di sini hari ini.

MoU itu dimeterai antara KPJ Healthcare Bhd, Pelaburan Hartanah Bhd (PHB) dan Nadayu Properties Bhd. Hospital itu yang terletak di Tanah Rizab Melayu di Sungai Penchala, akan mula dibangunkan tahun depan dan dijadualkan siap pada 2018. Mengulas lanjut, Abdul Wahid berkata, dalam memajukan Tanah Rizab Melayu, pihak yang terbabit perlu memastikan supaya golongan Bumiputera tidak diketepikan dan dapat terus tinggal atau bekerja dalam fasa baharu pembangunannya. "Pemaju perlu memastikan supaya perumahan mampu milik adalah mencukupi dari segi jumlah serta harganya," katanya. Sehubungan itu, beliau berkata, pajakan Tanah Rizab Melayu mesti dipertimbangkan secara serius oleh semua pihak berkepentingan.

Ia adalah antara kaedah alternatif untuk merealisasikan nilai Tanah Rizab Melayu yang berpotensi dibangunkan, terutama berikutan adanya kekangan kewangan serta kekurangan kepakaran di pihak pemilik tanah, tambahnya. Dalam perkembangan lain, Abdul Wahid berkata ekonomi Malaysia sedang bergerak ke zon selamat dengan hutang kerajaan berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) di bawah 53 peratus dan defisit fiskal 3.5 peratus pada tahun ini.

"Ini juga selepas mengambil kira gabungan antara pematuhan langsung dan liabiliti umum yang berada di bawah 70 peratus. Malah, defisit fiskal juga akan terus berkurangan kepada tiga peratus tahun depan. "Justeru, kita sedang bergerak ke arah zon selamat," katanya ditemui selepas majlis itu.

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/12005>

## **IBS akan segerakan pembinaan rumah mampu milik - CIDB**

SELASA, 14 OKTOBER 2014 @ 10:17 PM Abdul Halim Yusoff

KUALA LUMPUR: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) mahu bekerjasama dengan agensi kerajaan berkaitan dan pemaju perumahan untuk meningkatkan penggunaan komponen Sistem Binaan Industri (IBS) membina 143,000 unit rumah mampu milik yang diumumkan dalam Bajet 2015. "Pembinaan sejumlah 143,000 rumah berkenaan, tidak akan tercapai tanpa penggunaan IBS kerana konsep pembuatan komponen binaan di kilang akan mengurangkan masa yang diambil untuk pembinaan, mengurangkan jumlah pekerja dan juga mampu mempertingkatkan kualiti pembinaan," kata Ketua Eksekutif, Datuk Seri Ir Dr Judin Abdul Karim dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Katanya, CIDB memuji langkah Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak yang mengumumkan pembinaan sejumlah besar rumah mampu milik yang akan menangani isu pemilikan rumah. Dalam Bajet 2015, kerajaan mengumumkan pembinaan 80,000 unit rumah PR1MA, 26,000 rumah Program Perumahan Rakyat dan 12,000 Rumah Mesra Rakyat, 5,000 Rumah Idaman Rakyat dan 20,000 Rumah Aspirasi Rakyat di bawah SPNB. Beliau berkata, pengumuman mengenai beberapa projek pembangunan utama dalam Bajet 2015 akan memberi kesan positif kepada sektor pembinaan. Perbelanjaan pembangunan sebanyak RM50.5 billion, iaitu peningkatan sebanyak 20 peratus berbanding RM42.2 billion pada 2014 adalah strategi yang mampu menjana pembangunan ekonomi negara.

"CIDB berharap semua projek pembangunan infrastruktur dan perumahan yang diumumkan akan dapat dilaksanakan pada tahun 2015. Ini akan dapat memastikan pertumbuhan sektor pembinaan dapat dikekalkan pada tahap dua digit seperti sebelumnya," katanya. Sehubungan itu, Judin berkata, CIDB akan mempertingkatkan latihan dan akreditasi peserta sektor binaan pada tahun 2015 bagi memenuhi permintaan industri. Pada tahun 2015, CIDB merancang melatih seramai 30,000 pekerja binaan, 25,000 profesional dan 5,000 penyelia tapak bina serta memberi akreditasi kelayakan kepada 40,000 pekerja binaan di dalam pelbagai bidang. Judin berkata, pihaknya juga berharap kerajaan akan turut memberikan insentif elaun modal perbelanjaan automasi pada bajet akan datang seperti yang diberikan kepada sektor perkilangan pada Bajet 2015.

"Insentif itu akan menggalakkan pelaburan syarikat pembinaan di dalam mekanisasi dan automasi, justeru mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing, dan seterusnya meningkatkan kadar produktiviti," katanya.

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/11627>

## Bajet 2015 mesra pembeli rumah kali pertama - iProperty

SABTU, 11 OKTOBER 2014 @ 6:27 PM

KUALA LUMPUR: Dirangka dengan fokus menjadi ekonomi keperluan rakyat, Bajet 2015 yang diumumkan semalam menangani isu-isu pemilikan rumah pada harga mampu milik, kata laman web hartanah utama negara, iProperty.com Malaysia. Memuji kerajaan kerana memperkenalkan lebih banyak skim untuk memenuhi peningkatan permintaan bagi perumahan mampu milik, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Georg Chmiel, berkata langkah-langkah yang diperkenalkan akan banyak membantu pembeli kali pertama yang mahu mencari hartanah.

"Skim pembiayaan sewa-beli, diperkenalkan bagi individu yang tidak dapat memperoleh pembiayaan bank di bawah skim PR1MA, adalah antara skim yang ramai rakyat Malaysia akan dapati ia memberi manfaat," katanya dalam satu kenyataan. Data daripada Kaji Selidik Perumahan Jabatan Perangkaan 2013 menunjukkan bahawa 80 peratus daripada rakyat Malaysia memperoleh pendapatan kurang daripada RM6,900 sebulan dan tidak mampu membeli rumah berharga lebih daripada RM300,000. "Menurut Perbadanan Pembangunan Negeri Selangor, terdapat 70 peratus kadar penolakan bagi pembeli kali pertama," kata Chmiel.

Beliau juga memuji kerajaan kerana memperkenalkan pelbagai langkah menambah baik pengangkutan awam di negara ini dengan pembinaan empat lebuhraya, menaik taraf laluan kereta api Pantai Timur, pembinaan laluan kedua MRT sejauh 56 kilometer dan juga projek LRT 3. "Sebanyak empat puluh peratus responden kaji selidik kami mahu kerajaan menangani keperluan bagi pengangkutan awam yang lebih baik dan kami gembira keperluan ini telah ditangani," katanya. - BERNAMA

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/11028>

## Bajet 2015: Kerajaan bina 80,000 unit rumah PR1MA

JUMAAT, 10 OKTOBER 2014 @ 6:11 PM

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan menangani isu pemilikan rumah dengan harga berpatutan melalui pembinaan 80,000 unit rumah di bawah Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) dengan peruntukan RM1.3 bilion. Membentangkan bajet bertemakan, 'Bajet 2015: Ekonomi Keperluan Rakyat' di Parlimen hari ini, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata bagi membolehkan lebih ramai rakyat memiliki rumah, had kelayakan pendapatan isi rumah dinaikkan daripada RM8,000 kepada RM10,000.

Di samping itu, Skim Pembiayaan Sewa Beli akan diperkenalkan khusus kepada individu yang tidak berupaya mendapat pembiayaan daripada bank. Selain itu, RM644 juta diperuntukkan bagi Jabatan Perumahan Negara untuk membina 26,000 unit rumah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR). Syarikat Perumahan Negara Bhd akan membina 12,000 unit Rumah Mesra Rakyat, 5,000 unit Rumah Idaman Rakyat, dan 20,000 unit Rumah Aspirasi Rakyat di atas tanah persendirian.

Najib juga berkata kerajaan bersetuju melanjutkan pengecualian duti setem 50 peratus ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman serta menaikkan had harga rumah daripada RM400,000 kepada RM500,000. "Pengecualian ini diberikan hingga 31 Disember 2016," kata Najib, yang juga Menteri Kewangan. Selaras dengan pengecualian duti setem itu, beliau berkata had nilai harga rumah Skim Rumah Pertamaku dinaikkan kepada RM500,000 dengan had kelayakan umur peminjam turut dinaikkan daripada 35 kepada 40 tahun.

Mengenai cukai keuntungan harta tanah (RPGT), yang ditaksir secara formal, kini akan ditaksir secara sendiri oleh pembayar cukai mulai tahun 2016, selaras dengan hasrat kerajaan untuk terus memodenkan sistem percukaian negara. - BERNAMA

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/10797>

### **Bajet 2015: Kerajaan wujud skim khas bantu belia miliki rumah**

JUMAAT, 10 OKTOBER 2014 @ 5:59 PM

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak mengumumkan penubuhan Skim Perumahan Belia sebagai usaha untuk menggalakkan pemilikan rumah dalam kalangan belia di negara ini. Najib berkata skim itu menawarkan pemilikan rumah pertama yang bernilai tidak lebih RM500,000 kepada belia berkahwin berumur 25 hingga 40 tahun serta mempunyai pendapatan isi rumah tidak lebih RM10,000 dengan tempoh pembiayaan maksimum, 35 tahun.

Beliau berkata sebanyak 20,000 unit rumah akan dibina untuk skim itu yang ditawarkan berdasarkan konsep 'siapa dulu dia dapat'. "Bila mengupas mengenai belia, pemilikan rumah adalah satu isu besar khususnya soal harga rumah dan kebolehanbiayaan," katanya ketika membentangkan "Bajet 2015: Ekonomi Keperluan Rakyat" di Dewan Rakyat, di sini. Beliau berkata skim itu diwujudkan secara perkongsian pintar antara kerajaan, Bank Simpanan Nasional (BSN), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) serta Cagamas. Najib, yang juga Menteri Kewangan berkata di bawah skim itu, kerajaan akan memberi sebanyak RM200 sebulan untuk tempoh dua tahun pertama bagi mengurangkan beban ansuran bulanan pinjaman perumahan selain pengecualian sebanyak 50 peratus duti setem ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman.

Najib menarik perhatian apabila berkata kerajaan turut menyediakan jaminan pinjaman sebanyak 10 peratus bagi membolehkan peminjam mendapatkan pembiayaan penuh termasuk kos insurans. "Peminjam juga boleh mengeluarkan wang daripada Akaun 2 KWSP mereka untuk menampung pembayaran ansuran bulanan dan kos lain yang berkaitan," katanya. Penubuhan skim perumahan itu terkandung dalam strategi keenam Bajet 2015 iaitu 'Membangun Program Transformasi Belia Negara'.

Di bawah strategi itu juga, Najib berkata kerajaan akan mewujudkan Bandar Belia 1Malaysia dengan peruntukan RM100 juta bagi membiayai tiga projek perintis di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. "Ini bagi mewujudkan satu ekosistem komprehensif yang disertai belia untuk meningkatkan keupayaan dan memajukan diri dalam pekerjaan dan keusahawanan serta dapat menikmati kemudahan perumahan dan rekreasi," jelas Najib. - BERNAMA

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/10791>

### **MK Land akan bina 2,000 rumah mampu milik**

RABU, 8 OKTOBER 2014 @ 4:12 PM Nurhayati Abllah [nurhayatiabllah@bh.com.my](mailto:nurhayatiabllah@bh.com.my)

PETALING JAYA: Kerajaan diharap memberi lebih keutamaan kepada pembinaan rumah mampu milik dalam Bajet 2015 bagi menampung keperluan lebih dua juta isi rumah berpendapatan bawah RM3,000 di negara ini. Pengerusi MK Land Holdings Bhd (MK Land), Tan Sri Mustapha Kamal Abu Bakar, berkata keutamaan perlu diberi kepada pemaju hartanah terutama Bumiputera untuk membangunkan lebih banyak penempatan mampu milik bagi bagi memenuhi keperluan itu. "Rakyat perlu didahulukan dan sememangnya masih ramai daripada kalangan rakyat berpendapatan kurang RM3,000 sebulan memerlukan rumah.

"Jadi, kami sebagai pemaju perumahan tempatan berhasrat membantu dan sedia bekerjasama dengan kerajaan untuk memenuhi keperluan itu," katanya selepas penyerahan kunci unit kondominium blok B dan C, Metropolitan Square (MSQ), di sini hari ini. Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MK Land, Lau Shu Chuan dan Pengurus Besar Kanan Kumpulan (Operasi) MK Land, Zulkipli Sidin. Mustapha berkata, syarikatnya merancang untuk membina kira-kira 2,000 unit rumah mampu milik secara berperingkat dalam tempoh tiga tahun bagi menampung keperluan golongan sasaran.

"Jika kerajaan mampu mengenal pasti kumpulan itu, berikan lokasi dan negeri mana supaya kami boleh mencari sebidang tanah yang tidak digunakan kerajaan negeri bagi membenarkan kami membangunkannya (bina rumah mampu milik)," katanya. Pembinaan rumah mampu milik itu juga katanya, adalah sebahagian daripada petunjuk Indeks Prestasi Utama (KPI) syarikatnya sebagai pemaju hartanah milik Bumiputera. Mengulas kenaikan harga rumah, beliau berkata masalah itu berlaku berikutan pasaran hartanah semasa yang semakin meningkat.

"Bagi mengurangkan beban itu, kerajaan khususnya kerajaan negeri perlu memberi harga munasabah dan bukannya mengikut harga semasa kepada pemaju bagi membantu kami membina lebih banyak rumah mampu milik. "Saya yakin setiap negeri mesti ada bank tanah untuk membina rumah mampu milik kepada penduduknya," katanya. Sejak tahun 1997, MK Land membina lebih 30,000 rumah mampu milik sekitar Lembah Klang dan Perak.

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/10337>

### **LBS tumpu segmen perumahan mampu milik**

RABU, 8 OKTOBER 2014 @ 3:51 PM

KUALA LUMPUR: LBS Bina Group Bhd (LBS) akan terus menumpukan kepada produk gaya hidup inovatif dan perumahan mampu milik kerana pemaju hartanah itu melihat peningkatan permintaan daripada pembeli kali pertama dan profesional muda bujang. "Kemampuan masih kekal menjadi kebimbangan utama bagi pembeli rumah Malaysia dan pada masa yang sama kumpulan itu juga



mencari pembangunan perumahan dengan reka bentuk inovatif dan ciri-ciri yang memenuhi gaya hidup kontemporari mereka," kata syarikat itu dalam satu kenyataan.

Pengarah Urusan Datuk Seri Lim Hock San berkata orang ramai lebih berhati-hati dalam membuat keputusan pelaburan hartanah mereka dan masih berharap dapat memiliki rumah. Bagaimanapun, dengan keadaan kos tanah, bahan mentah dan buruh yang semakin meningkat, Lim menasihatkan pembeli membuat keputusan pembelian mereka dengan segera.

Pemaju hartanah yakin momentum belian dalam separuh kedua 2014 akan meningkat, didorong oleh permintaan berterusan daripada pembeli rumah kali pertama serta bakal pembeli yang akan membeli sebelum pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) tahun depan. LBS akan mempamerkan pembangunan utamanya di Ekspo Hartanah Malaysia 2014 selama tiga hari bermula 10 Oktober ini di Pusat Pameran Mid Valley. - BERNAMA

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/10331>

### **MK Land akan lengkapkan usaha kerajaan bina rumah mampu milik**

RABU, 8 OKTOBER 2014 @ 1:07 PM

PETALING JAYA: Pemaju hartanah, MK Land Holdings Bhd, mahu melengkapkan usaha kerajaan menyediakan rumah mampu milik kepada rakyat. Pengerusinya Tan Sri Mustapha Kamal Abu Bakar berkata untuk tujuan itu, syarikat berkenaan kini mengenal pasti kawasan baharu. "Kami sentiasa berusaha mengenal pasti kawasan baharu untuk mendirikan projek perumahan mampu milik. "Kami menyedari rancangan kerajaan dalam membantu penduduk, dan kami mahu menjadi antara peserta utama melengkapkan usaha itu," katanya selepas menyerahkan kunci kepada pemilik projek kondominium Metropolitan Square di Damansara Perdana, di sini hari ini. - BERNAMA

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/10298>

### **Rakyat Malaysia mahu kawalan harga rumah yang lebih baik**

RABU, 1 OKTOBER 2014 @ 2:17 PM

KUALA LUMPUR: Rakyat Malaysia berharap kerajaan akan memperkenalkan langkah-langkah pengawalan harga rumah yang lebih baik, sistem pengangkutan awam lebih cekap serta lebih banyak skim perumahan kos rendah dan mampu milik dalam Bajet 2015, demikian penemuan kajian dalam talian oleh peneraju portal hartanah Malaysia, iProperty.com.

iProperty berkata, ini bukan suatu yang memeranjatkan kerana responden berpandangan paras harga hartanah sekarang sangat mahal dan tidak mampu dibeli. Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif iProperty, Georg Chmiel berkata kenaikan harga hartanah, peraturan pinjaman perumahan lebih ketat oleh bank, ditambah lagi dengan pemansuhan Skim Pemaju Tanggung Faedah, semakin menyukarkan pembeli, terutama pembeli rumah pertama, untuk memiliki hartanah.

"Justeru, tidak memeranjatkan apabila rakyat Malaysia menggesa kerajaan memperhebat usaha mereka membina lebih banyak perumahan mampu milik di lokasi strategik selain sistem pengangkutan lebih baik dalam Bajet 2015," kata Chmiel dalam kenyataan. Beliau berkata, dengan mengambil kira populasi dan tenaga kerja Malaysia yang agak muda, pertambahan perbandaran serta kecenderungan memiliki kediaman, wujud permintaan tinggi untuk hartanah kediaman di pusat-pusat bandar utama yang berharga bawah RM500,000. Katanya, dengan permintaan sebegitu tinggi, kerajaan seharusnya meneliti untuk memberi lebih banyak insentif kepada pemaju membina hartanah dalam bajet kali ini sekali gus membantu menampung permintaan pembeli hartanah. – BERNAMA

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/8969>

### **Penubuhan Bank Perumahan biar mesra peminjam**

SELASA, 23 SEPTEMBER 2014 @ 7:59 AM Ahmad Fauzi Mustafa [bhrencana@bh.com.my](mailto:bhrencana@bh.com.my)

Beli rumah sekarang sangat menakutkan, itulah gambaran pasangan suami isteri yang mempunyai empat orang anak. Kedua-duanya adalah graduan universiti luar negara dan bekerja antara 12 hingga 15 tahun. Mereka adalah golongan berpendapatan menengah yang duduk di pinggir bandar raya Kuala Lumpur dan belum mempunyai rumah sendiri. Realitinya?

Kondominium di Cheras Selatan dijual bermula harga serendah RM520,000 seunit, manakala di Bandar Baru Bangi mencecah RM550,000 hingga RM720,000 seunit serta di Wangsa Maju dijual sekitar RM398,000 seunit dan Mont Kiara mencecah RM780,000 seunit. Kalau di kawasan Lembah Klang, untuk memiliki rumah teres setingkat atau dua tingkat boleh tinjau di kawasan Semenyih, Beranang, Mantin, Sri Pajam, Nilai, Dengkil, Sepang, Seremban, Serendah, Sungai Buaya, Bukit Beruntung, Klang atau Kapar hatta di Tanjung Malim, Perak sekali pun dengan harga bermula RM380,000 seunit. Ini cerita tahun ini, tetapi pada tahun 2020, bagaimana pula? Ketika itu, Malaysia dijangka berstatus negara maju. Kemungkinan besar rumah teres dua tingkat mencecah RM1 juta, itu pun rumah berkenaan terletak sejauh 70 hingga 80 kilometer dari Kuala Lumpur.

### **Peningkatan lebih dua kali ganda**

Berdasarkan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Kuala Lumpur menunjukkan peningkatan lebih dua kali ganda pada suku pertama dan suku kedua 2014 dalam unit baharu dilancarkan pada harga dalam lingkungan RM500,000 sehingga RM1 juta. Itu belum diambil kira di Johor Bahru yang dipengaruhi dengan permintaan dan kuasa beli dalam kalangan rakyat negara jiran, Singapura, selain di Pulau Pinang.

Kecuali kalau ada ibu bapa yang sudah beli dua tiga unit hartanah yang ada ruang tanah pada era 1980-an, 1990-an dan 2000-an, sedikit sebanyak melegakan keperluan anak masing-masing memiliki kediaman pertama walaupun secara realitinya kelak, kediaman itu hasil titik peluh orang tua. Penyediaan prasarana rumah adalah suatu perkara serius dan perlu mempunyai wawasan yang dinamik dan praktikal mengikut peredaran zaman. Kerajaan mahu pun pemaju perlu sediakan kediaman kondusif, selesa, tidak perlu diubahsuai dan mempunyai prasarana lain.

Di samping itu, perkara lain yang menjadi keprihatinan dan keutamaan rakyat yang ingin memiliki kediaman pertama sendiri ialah kemudahan pembiayaan pinjaman daripada institusi perbankan. Lazimnya, kelompok yang mengalami kesukaran meminjam ialah golongan berpendapatan rendah, sederhana, malah kelompok menengah (terutama hanya ketua keluarga yang bekerja, yang mempunyai tiga orang anak dan lebih dan tinggal di kawasan bandar).

Jadi, penulis mengalu-alukan kesediaan kerajaan dalam meneliti cadangan untuk menubuhkan Bank Perumahan dan pemberian lesen Pemberi Pinjam Wang kepada institusi terpilih dalam usaha menyediakan kemudahan pinjaman perumahan kepada golongan berpendapatan rendah, sederhana dan golongan menengah kerana golongan ini adalah kelompok masyarakat terbesar.

### **Turunkan harga rumah**

Dibisik-bisikan juga kepada penulis supaya kerajaan menerusi program MyHome atau PR1MA hendaklah menurunkan harga bersesuaian dengan keperluan dan kehendak lapisan masyarakat. Realisasi ke arah penubuhan Bank Perumahan akan membolehkan proses permohonan pinjaman perumahan dibuat secara spesifik dan cepat. Bak kata menteri berkaitan, mereka (Bank Perumahan) lebih fokus dan syarat yang dikenakan tidak ketat seperti di bank komersial. Sudah tiba masanya, Bank Perumahan memberi pertimbangan mesra rakyat.

Harapan menggunung ini pasti ditunggu-tunggu rakyat menjelang pembentangan Bajet 2015. Moga keputusan kerajaan berkaitan beberapa dasar yang diperkenalkan sebelum ini membawa impak kepada penubuhan Bank Perumahan.

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/7352>

### **SPNB lancar 306 unit Rumah Aspirasi Rakyat di Gurun**

JUMAAT, 19 SEPTEMBER 2014 @ 6:00 PM Nur Syazwana Mansor [bhbiz@bh.com.my](mailto:bhbiz@bh.com.my)

GURUN: Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) melancarkan 306 unit rumah mampu milik di Taman Permai Utama, di sini, yang akan dibangunkan anak syarikat milik penuhnya, SPNB Aspirasi Sdn Bhd (SPNB Aspirasi) hujung tahun ini. Projek itu dalam Fasa 2 Taman Permai Utama akan menawarkan 123 unit rumah teres dua tingkat, selain 183 unit rumah setingkat yang akan dijual pada harga bermula dari RM151,980 seunit. Pengerusi SPNB, Datuk Abd Latiff Ahmad, berkata pembinaan dijangka mengambil masa 24 bulan dan ia adalah sebahagian projek Rumah Aspirasi Rakyat (RAR) kendalian SPNB di tiga lokasi di Kedah iaitu di Kuala Muda, Kulim dan Gurun dengan kos keseluruhan RM208 juta.

"Sebelum ini kita sudah bangunkan 678 unit kediaman merangkumi teres kos rendah, kos sederhana dan rumah berkembar melalui Fasa 1 Taman Permai Utama. "Baru-baru ini SPNB Aspirasi menyiapkan 319 unit teres setingkat kos rendah dengan harga jualan bermula dari RM68,000," katanya ditemui selepas pra-pelancaran projek Fasa 2 Taman Permai Utama, di sini, yang disempurnakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom. Yang turut hadir Presiden SPNB, Datuk Dr Kamarul Rashdan Salleh; Pengerusi SPNB Aspirasi, Ahri Hashim dan Ketua Pegawai Eksekutif SPNB Aspirasi, Datuk Ahmad Azizi Ali.

Taman Permai Utama adalah antara 37 projek RAR dibangunkan SPNB membabitkan penyediaan 18,815 unit rumah kediaman pelbagai jenis dengan kos keseluruhan RM2 bilion di seluruh negara. Lapan lagi projek membabitkan penyediaan 2,654 unit rumah RAR dengan kos RM254 juta masih dalam pembinaan. Sementara itu, Abd Latiff berkata menerusi Belanjawan 2014, SPNB Aspirasi merancang membina 12,576 unit rumah yang mana sebahagian besarnya adalah dalam kategori RAR.

"Masih ada banyak lagi projek perumahan yang bakal dijalankan pada masa hadapan bagi memenuhi keperluan satu juta unit rumah yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, baru-baru ini," katanya.

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/6800>

### **Kerajaan kaji penubuhan Bank Perumahan**

KHAMIS, 18 SEPTEMBER 2014 @ 1:39 PM

PUTRAJAYA: Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan meneliti cadangan untuk menubuhkan Bank Perumahan bagi memberi peluang kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah sendiri. Menterinya, Datuk Abdul Rahman Dahlan, berkata pihaknya juga akan mengkaji cadangan supaya syarikat pinjaman wang berlesen yang berdaftar di bawah kementerian memberikan pinjaman kepada golongan itu membeli rumah kos rendah dan sederhana rendah.

Katanya, golongan berkenaan sering berhadapan kekangan dalam mendapatkan pinjaman perumahan daripada bank komersial berikutan syarat ketat yang dikenakan Bank Negara Malaysia. Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT Ke-68) yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin di Perdana Putra di sini, hari ini.

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/6541>

### **PR1MA perkenal konsep rumah ibu**

KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2014 @ 5:50 PM Nurhayati Abllah [nurhayatiabllah@bh.com.my](mailto:nurhayatiabllah@bh.com.my)

KUALA LUMPUR: Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) akan memperkenalkan skim perumahan 'PR1MA Rumah Ibu' bagi membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana terutama daripada kalangan generasi muda untuk memiliki kediaman sendiri. Pengerusi PR1MA, Tan Sri Dr Jamaluddin Jarjis, berkata skim terbaharu itu berkonsepkan rumah 'studio' yang memiliki satu bilik tetapi mempunyai kemudahan asas lengkap dan berkeluasan kira-kira 650 kaki persegi, dijangka dilancarkan tahun depan.

"Bagaimanapun, skim itu hanya membabitkan pembinaan rumah atas tanah dan mempunyai keluasan mencukupi jika penghuninya perlu membuat pengubahsuaian atau penambahan bilik pada

masa depan. "Rumah itu ditawarkan pada harga rumah satu bilik dan ia membantu golongan berpendapatan rendah serta generasi muda yang ingin memiliki kediaman sendiri mengikut kemampuan mereka," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian selepas majlis pemeteraian Perjanjian Pembelian Induk En-Bloc (MEBPA) antara PR1MA dan Darulaman Realty Sdn Bhd (DRSB) bagi pembangunan 323 unit rumah PR1MA di Kuala Ketil, Kedah bernilai RM72 juta. Yang turut hadir, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir dan Pengarah Urusan Kumpulan Bina Darulaman Bhd (BDB), Datuk Izham Yusoff. Mengulas lanjut, Jamaluddin berkata, pada peringkat permulaan, pihaknya merancang untuk membangunkan 'PR1MA Rumah Ibu' di Kedah dan Perak sebelum diperluaskan ke semua projek PR1MA seluruh negara.

"Setakat ini, jumlah unit yang akan dibina bergantung kepada permintaan dan harga setiap unit ditetapkan menerusi perbincangan dengan kerajaan negeri," katanya. Pembinaan 323 unit rumah teres dua tingkat di Kuala Ketil berkenaan, kini sudah 60 peratus siap dan dibina di tapak seluas 7.9 hektar berdekatan dengan Kolej Universiti Insaniah. Sementara itu, Mukriz berkata, sasaran kerajaan Kedah membina 40,000 rumah kos rendah dan mampu milik menjelang 2018 akan direalisasikan lebih awal berikutan pembinaan rumah mampu milik mendahului sasaran tahunan.

Menerusi pelan Makmal Transformasi Kedah yang diperkenal tahun lalu, purata 6,000 unit rumah mampu milik akan dibina setahun namun hingga kini 9,100 unit sudah diluluskan pembinaannya berbanding 6,698 pada 2013. Mukhriz berkata, tarif harga rumah kos rendah di Kedah ialah bawah RM160,000 manakala rumah mampu milik pula antara RM200,000 dan RM240,000. Penduduk Kedah dianggarkan berjumlah 2.01 juta tahun lalu dengan kadar pertumbuhan tahunan penduduk pada 0.9 peratus.



MENTERI Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Tun Mahathir bersama Pengerusi Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) Tan Sri Jamaluddin Jarjis menyaksikan pertukaran perjanjian di antara PR1MA yang diwakili Ketua Pegawai Eksekutif PR1MA, Datuk Abdul Mutalib Alias dengan Bina Darulaman Berhad (BDB) yang diwakili Pengarah Urusan Kumpulan BDB, Izham Yusoff pada majlis perjanjian Master EN-Bloc di sini hari ini. - Foto BERNAMA

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/5627>

## **Permintaan tempatan untuk kondominium mewah dijangka lembab**

RABU, 27 OGOS 2014 @ 4:16 PM

PETALING JAYA: Permintaan tempatan untuk kondominium mewah dijangka lembab dalam tempoh 12 bulan akan datang, terutama di kawasan Kuala Lumpur City Centre (KLCC), dengan lebih ramai pemaju diunjur meneroka pasaran asing. Pengarah Eksekutif Jones Lang Wootton, Malathi Thevendren, berkata unjuran itu berasaskan paras harga yang ditetapkan pemaju tidak sepadan dengan kemampuan pembeli tempatan. "Bekalan yang ditawarkan mesti padan dengan paras permintaan kerana tidak ramai sebenarnya yang mampu membeli kondominium mewah.

"Malah sesetengah pemaju menangguk pelancaran kerana mereka tahu tidak ada pasaran," katanya di luar Sidang Kemuncak Perumahan dan Hartanah Kebangsaan Ke-17, di sini hari ini. Malathi adalah anggota Institut Juruukur Diraja Malaysia dan juga ejen hartanah dan penilai berdaftar dengan Lembaga Penilai Pentaksir dan Ejen Hartanah Malaysia. Beliau yang berpengalaman lebih 25 tahun dalam perkhidmatan profesional hartanah adalah antara penceramah dalam sidang kemuncak dua hari anjuran Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI). Bagi kondominium mampu milik, Malathi berkata permintaan dijangka tumbuh secara stabil dengan pasangan muda serta profesional terus menjadi pemacu pasaran.

"Rakyat masih memilih kediaman di atas tanah. Akan tetapi disebabkan harga rumah yang terus meningkat sejak dua hingga tiga tahun lalu dan jauh melangkaui paras mampu milik, ramai yang tidak mampu memiliki kediaman sedemikian," katanya. Harga pasaran bagi kebanyakan kondominium mewah sedia ada dijangka stabil bagi tempoh jangka pendek sementara harga untuk kondominium kategori rendah dan sederhana mewah di kebanyakan lokasi popular mungkin turun sedikit. Bagi pelancaran baharu, harga dijangka meningkat seiring dengan inflasi dan kos pembinaan. Malathi berkata bekalan pula akan tumbuh secara sederhana dengan penambahbaikan prasarana dan sistem pengangkutan serta penerimaan terhadap kawasan kondominium yang agak jauh dari bandar raya.

"Dengan jangkaan permintaan yang lembab dan peningkatan kos, pemaju diunjur mengekalkan harga kuantum unit selain mengecilkan keluasan binaan. "Antara cabaran bagi industri pada masa akan datang ialah mencipta pasaran hartanah yang lestari serta ketidaksepadanan bekalan dan permintaan," katanya. - BERNAMA

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/2922>

## **Kementerian kaji tubuh bank tanah untuk rumah mampu milik**

SELASA, 26 OGOS 2014 @ 9:49 PM

PETALING JAYA: Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang mengkaji kemungkinan menubuhkan bank tanah bagi mengekalkan momentum usaha membina

rumah mampu milik untuk rakyat. Menterinya, Datuk Abdul Rahman Dahlan, berkata memandangkan harga tanah akan meningkat dalam masa 10 tahun akan datang, kementerian itu perlu membeli tanah di kawasan strategik di pusat bandar raya dan bandar mulai sekarang sebagai pelaburan untuk melaksanakan projek rumah kos rendah dan mampu milik pada masa akan datang.

"Oleh kerana tidak terdapat dasar bagi kerajaan membeli tanah untuk kegunaan pada masa akan datang, kami harap Kementerian Kewangan (MOF) akan bersetuju dengan perkara ini dan menyediakan dana untuk kami berbuat demikian," kata Abdul Rahman ketika menyampaikan ucap tama pada majlis perasmian sidang Kemuncak Perumahan dan Hartanah Kebangsaan 2014 bertemakan 'Mengubah Landskap, Mendepani Tahun-tahun Mencabar' anjuran Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli) di sini hari ini.

Dalam perkembangan berkaitan, Abdul Rahman berkata kerajaan menerima banyak sambutan berhubung inisiatifnya untuk membina rumah mampu milik di bawah program MyHome (Skim Rumah Mampu Milik). "Sehingga 1 Ogos 2014, 52,893 pemohon telah mendaftarkan diri dan 51 pemaju memohon 55 projek bagi membina 12,038 unit rumah. Setakat ini, 10 projek melibatkan 4,886 unit rumah diluluskan," katanya. Abdul Rahman berkata, kementerian itu telah menyerahkan 72,076 unit rumah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR), 12,101 unit sedang dibina dan 18,453 unit di peringkat perancangan.

"Sehingga Jun 2014, kami meluluskan pembinaan 67,636 rumah oleh pemaju swasta...kami perlu mempercepatkan usaha ini untuk mencapai sasaran pembinaan satu juta unit rumah," katanya. Mengenai kesan daripada pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) mulai April 2015, Abdul Rahman berkata kementerian itu kini bekerjasama rapat dengan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (Rehda) dan MOF untuk menangani isu itu dan berharap GST tidak akan memberi kesan langsung atau hanya mempunyai kesan minimum terhadap hartanah kediaman.

Pada sidang akhbar kemudian, Abdul Rahman berkata seseorang individu atau sesebuah syarikat yang ingin membeli lebih daripada empat unit rumah, tidak lagi perlu memohon kebenaran kerajaan, tetapi perlu mendaftarkan diri dengan kementerian itu. "Kerajaan tidak boleh berkata 'tidak' kepada pembeli, tapi kami perlu tahu siapakah pembelinya," kata beliau. - BERNAMA

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/2794>